

**Lebih 1,000 Mohon Sertai Jati - Hasan Ali
Bernama
21 Februari , 2012**

SHAH ALAM, 21 Feb (Bernama)-- Pertubuhan bukan kerajaan, JATI, yang diterajui bekas Exco Selangor Datuk Dr Hasan Mohamed Ali menerima lebih 1,000 permohonan keanggotaan sejak pendaftarannya dibuka beberapa hari lepas.

Hasan selaku Presiden JATI berkata selain keanggotaan untuk orang Melayu dan orang Islam, JATI juga boleh disertai bukan Melayu dan bukan Islam sebagai anggota kehormat.

"Sebagai anggota kehormat, mereka boleh memberikan pandangan kepada JATI tetapi tidak boleh mengundi," katanya kepada pemberita selepas melancarkan JATI di Pusat Konvensyen Shah Alam di sini, Selasa.

Pelancaran itu turut dihadiri oleh Mufti Perak Tan Sri Harussani Zakaria dan Senator Ezam Mohd Nor.

Beliau berkata JATI, yang sudah didaftarkan dengan Pendaftar Pertubuhan pada minggu lepas, tidak mempunyai sebarang agenda tersembunyi.

---BERNAMA

Hakcipta © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=647108>